

Analisis Konseptual Pemilihan Topik Sembang Santai dalam Budaya Berbeza

(Conceptual Analysis of Small Talk Topic Selection in Different Cultures)

Anis Nabilah Mamat¹ , Norhayuza Mohamad^{2*} , Bashasunnahar Puasa³ 
Zuraini Mohd Ramli⁴ , Ahmad Wan Abdul Rahman⁵ 

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: anisnabilah1434@gmail.com

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: norha571@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: bashasunnahar@uitm.edu.my

⁴Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: zuraini977@uitm.edu.my

⁵Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: ahmad3677@uitm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Norhayuza Mohamad
(norha571@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Budaya
Komunikasi
Sembang santai
Pemilihan topik
Silang budaya

KEYWORDS:

Culture
Communication
Small talk
Topic selection
Cross-cultural

CITATION:

Anis Nabilah Mamat et al. (2024). Analisis Konseptual Pemilihan Topik Sembang Santai dalam Budaya Berbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(9), e002973.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i9.2973>

Kertas konsep ini akan membincangkan tentang pemilihan topik dan topik tabu dalam komunikasi sembang santai merentas budaya berbeza. Sembang santai atau *small talk* merupakan satu bentuk komunikasi yang tidak memfokuskan kepada inti pati perbualan dan tidak bertujuan untuk menyampaikan maklumat. Sebaliknya, ia berfungsi untuk mengeratkan hubungan sosial dan meningkatkan kemesraan antara dua pihak yang berinteraksi. Pemilihan topik sembang santai dalam konteks budaya yang pelbagai yang difahami dengan baik adalah penting untuk melancarkan proses komunikasi tanpa berlakunya pelanggaran norma etika, salah faham dan dapat memupuk komunikasi silang budaya yang berjaya. Perbincangan tentang sembang santai dalam kertas konsep ini adalah berlandaskan beberapa teori seperti Teori Komunikasi Fatik [Malinowski \(1923\)](#) yang menyatakan setiap ungkapan yang dituturkan tanpa penyampaian sebarang maklumat, dan dituturkan semata-mata untuk bersosial dianggap sebagai sembang santai. Manakala perbincangan tentang pemilihan topik sembang santai pula berdasarkan Teori Topik Standard [Aitchison \(1996\)](#) yang menjelaskan sembang santai lazimnya berunsurkan topik-topik standard yang tidak sensitif. Pengkategorian topik sembang santai pula akan dibincangkan melalui Model Bulatan Sepusat Pemilihan Topik Sembang Santai [Schneider \(1987\)](#) yang mengemukakan tiga kategori topik sembang santai iaitu situasi spontan, situasi luaran dan situasi

komunikasi. Selain faktor budaya, kajian ini juga mendapati faktor kontekstual, jarak sosial dan latar belakang sosial turut mempengaruhi pemilihan topik sembang santai dan topik tabu. Secara keseluruhan, topik sembang santai dan topik tabu dalam budaya berbeza mempunyai persamaan dan perbezaan dan sangat berkait rapat dan berakar umbi dalam norma dan nilai budaya sesuatu masyarakat.

ABSTRACT

This concept paper will discuss the selection of topics and taboo topics in small talk across different cultures. Casual conversation, or small talk, is a form of communication that does not focus on the core content of the conversation and is not intended to convey information. Instead, it serves to strengthen social relationships and enhance intimacy between two interacting parties. The selection of small talk topics in the context of diverse cultures, when well understood, is crucial to facilitate the communication process without violating ethical norms, avoiding misunderstandings, and fostering successful cross-cultural communication. The discussion of small talk in this concept paper is based on several theories, such as [Malinowski's \(1923\)](#) Phatic Communication Theory, which is fundamental to understanding the concept of small talk. According to [Malinowski \(1923\)](#), any expression spoken without conveying any information and spoken solely for social interaction is considered small talk. Meanwhile, the discussion on the selection of small talk topics is based on [Aitchison's \(1996\)](#) Standard Topic Theory, which explains that small talk typically revolves around standard, non-sensitive topics. The categorization of small talk topics will be discussed through [Schneider's \(1987\)](#) Concentric Circle Model of Small Talk Topic Selection, which proposes three categories of small talk topics: spontaneous situations, external situations, and communicative situations. Besides cultural factors, this study also finds that contextual factors, social distance, and social background influence the selection of small talk topics and taboo topics. Overall, small talk topics and taboo topics in different cultures have similarities and differences. It also shows that the selection of small talk topics is closely related to and rooted in the cultural norms and values of a society. The findings of this conceptual analysis are expected to provide insights and enhance the public's knowledge about the selection of small talk topics across different cultures. Furthermore, it is also hoped to serve as a basic guide for researchers in the field of communication to further develop studies related to small talk in different cultures.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam memberi kefahaman dan pengetahuan yang lebih komprehensif terhadap pemilihan topik dan topik tabu dalam komunikasi sembang santai merentas budaya berbeza. Pemahaman yang baik diperlukan agar komunikasi berjalan lancar tanpa berlakunya pelanggaran norma etika, salah faham selain memupuk komunikasi silang budaya yang berkesan.

1. Pengenalan

Sembang santai merupakan salah satu cabang ilmu dalam bidang sosiolinguistik. [Siregar \(2021\)](#) berpendapat bahawa bidang sosiolinguistik merupakan kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahasa yang sebenar seperti huraian pola penggunaan bahasa, pemilihan topik dan latar perbualan. Manakala pengkaji lain mengemukakan pandangan yang lebih ringkas bahawa bidang sosiolinguistik mengkaji hubungan antara bahasa dan masyarakat ([Ismatullaeva et al., 2022](#)). Bidang ilmu ini meneroka penggunaan bahasa dalam membentuk dinamik sosial termasuklah penggunaan sembang santai dalam komunikasi. Menurut [Driessen dan Jansen \(2013\)](#), sejak kebelakangan ini, sembang santai telah dikaji dengan lebih serius dan sistematik dalam sosiolinguistik. Sembang santai ialah satu bentuk komunikasi yang berlaku dalam kehidupan manusia, tidak mempunyai tujuan untuk menyampaikan maklumat dan hanya menumpukan kepada hubungan sosial antara dua pihak yang berinteraksi ([Hoài et al., 2019](#); [Methot et al., 2020](#); [Pluszczyk, 2020](#); [Wahab et al., 2021](#)). Walaupun dianggap sebagai perbualan yang kurang penting, sembang santai memainkan peranan penting untuk melancarkan interaksi sosial, meningkatkan kemesraan dan mewujudkan suasana komunikasi yang selesa. Sembang santai juga melibatkan kesedaran tentang perbezaan budaya dalam komunikasi dari segi pemilihan topik perbualan yang neutral atau memberi respons yang sesuai kepada soalan tertentu ([Alexe & Savu, 2016](#)).

1.1. Pernyataan Masalah

Kertas konsep ini akan membincangkan tentang topik sembang santai dalam budaya yang berbeza. Hal ini adalah kerana budaya yang berbeza mempunyai cara yang berbeza untuk berkomunikasi termasuklah dari segi pemilihan topik sembang santai serta topik tabu ([Endrass et al., 2011](#)). Penutur yang datang daripada budaya yang berbeza mempunyai risiko pelanggaran komunikasi, salah faham dan konflik ketika berinteraksi ([Robles, 2017](#)). Pemilihan topik sembang santai merentas budaya berbeza penting untuk diketengahkan kepada masyarakat supaya masyarakat mendapat pendedahan, pengetahuan dan dapat meningkatkan kecekapan komunikasi silang budaya. Penggunaan topik sembang santai yang kurang sesuai akan menyebabkan kegagalan komunikasi [Hinkel \(1994\)](#), kerana ia dianggap telah melanggar norma etika budaya lain. Dengan mengkaji pemilihan topik sembang santai dalam budaya yang berbeza, masyarakat dapat mengenal pasti punca salah faham atau konflik yang berlaku dan sekali gus membangunkan strategi untuk menanganinya. Norma dan sensitiviti budaya dalam pemilihan topik sembang santai yang difahami dengan baik boleh membantu mengelakkan salah faham dan menyelesaikan konflik dengan lebih berkesan. Di samping itu, masyarakat juga dapat menyesuaikan diri dengan gaya komunikasi sembang santai dan memilih topik sembang santai yang sesuai apabila mendapat pendedahan dan pengetahuan tentang sembang santai dalam budaya berbeza. Topik sembang santai dalam budaya berbeza penting untuk difahami oleh masyarakat supaya komunikasi tidak kaku dan membina hubungan interpersonal.

Justeru kertas konsep ini akan menjawab persoalan kajian iaitu “Bagaimanakah budaya berbeza mempengaruhi pemilihan topik sembang santai dan topik tabu dalam komunikasi sembang santai?”. Kertas konsep ini diharapkan dapat membantu masyarakat untuk memahami norma, nilai dan kepercayaan yang mendasari setiap budaya. Seterusnya, masyarakat akan memahami dan peka tentang perbezaan budaya dan sensitiviti yang berkaitan dengan topik tertentu dalam mewujudkan komunikasi yang

lebih baik dan mengelakkan salah faham atau potensi konflik dalam interaksi antara budaya.

2. Kajian Literatur

2.1. Sembang Santai

Sembang santai telah diketengahkan oleh [Malinowski \(1923\)](#), yang pada awalnya dikenali sebagai *phatic communion*. Sembang santai yang diterokai sejak dulu telah menghasilkan banyak definisi dan makna daripada sarjana komunikasi. Dari sudut makna, sembang santai ialah satu bentuk komunikasi yang kurang relevan dan berlaku secara tidak langsung, seni untuk membicarakan tentang apa sahaja tanpa motif tertentu sebagai bahasa yang digunakan dalam hubungan sosial yang santai ([Schneider, 1988](#); [Bickmore & Cassell, 1999](#)). Hal ini adalah kerana sembang santai tidak mementingkan kandungan mesej yang disampaikan tetapi lebih memfokuskan kepada hubungan sosial. Berbeza pula dengan pandangan pengkaji lain yang menjelaskan sembang santai merupakan komunikasi antara dua pihak yang tidak bertujuan untuk mencari atau menyampaikan maklumat, tetapi mempunyai fungsi sosial untuk mewujudkan atau mengekalkan hubungan sosial ([Ezeh & Obiwulu, 2023](#); [Jeng et al., 2024](#); [Mas et al., 2023](#); [Tampubolon et al., 2023](#); [Vanyan, 2017](#)). Selain itu, [Lu et al., \(2019\)](#) mempunyai pandangan yang agak berbeza tentang definisi sembang santai. Beliau berpendapat bahawa sembang santai ialah satu saluran umum yang santai, kasual dan spontan mengikut situasi untuk berkomunikasi dengan rakan atau seseorang yang kurang rapat. Antara contoh ungkapan sembang santai termasuklah semoga hari anda indah, selamat pagi, selamat petang dan selamat tinggal ([Halomoan, 2022](#)), hello dan hai ([Dwiningtyas et al., 2023](#)), apa khabar dan terima kasih ([Wiyanto & Juliani, 2023](#)), assalamualaikum ([Risdati et al., 2023](#)). Walaupun sembang santai dilihat sebagai satu ungkapan yang ringkas dan bersahaja, ungkapan sembang santai berupaya untuk melancarkan dan mengukuhkan proses komunikasi.

Sembang santai berfungsi untuk memulakan perbualan, mengesahkan sesuatu perkara, mengekalkan perbualan, meyakinkan pendengar, menamatkan perbualan, memecahkan kesunyian dan membina hubungan sosial ([Alek & Abdullah, 2023](#); [Budiawati, 2021](#); [Puspitasari et al., 2024](#); [Zuriah, 2020](#)). Berbeza dengan itu, fungsi sembang santai menurut beberapa pengkaji lain adalah untuk membina kepercayaan dengan memahami penutur dengan baik sehingga terbinanya perhubungan semula jadi antara setiap individu yang bertutur ([Cendriono & Sudaryanto, 2023](#); [Hermansson & Larsson, 2019](#); [Rahima & Wahyuni, 2021](#)). Di samping itu, sembang santai juga berfungsi untuk menghilangkan jarak sosial, mengukuhkan hubungan sosial serta struktur sosial ([Djawa & Djuli, 2024](#); [Malelak, 2024](#); [Rosado-Solomon, 2019](#)). Namun begitu, terdapat juga penjelasan tentang fungsi sembang santai yang lebih terperinci daripada pengkaji terdahulu, iaitu menekankan ungkapan sembang santai, mengukuhkan ungkapan sembang santai, menyerlahkan ungkapan sembang santai, melembutkan kritikan, meyakinkan pendengar, menjadi pengantara perbualan, mewujudkan kebiasaan antara pendengar dan memulakan perbualan ([Adisti et al., 2024](#); [Bunda et al., 2022](#)). Sebaliknya, kajian kualitatif oleh [Simaremare et al. \(2023\)](#) mendapati fungsi sembang santai termasuklah menekankan perasaan penolakan, mengukuhkan alasan, mengukuhkan persetujuan, pelawaan, menekankan bukti, memulakan perbualan dan membenarkan kenyataan.

Kajian sembang santai yang telah mendapat perhatian sarjana komunikasi membuktikan bahawa sembang santai mempunyai kepentingan besar dalam kehidupan sosial dan profesional masyarakat. Sembang santai membantu penutur untuk membina hubungan sosial, mengurangkan rasa kekok dan meningkatkan kemahiran komunikasi. Oleh itu, kemahiran komunikasi sembang santai bermanfaat untuk dipelajari dan diamalkan.

Terdapat beberapa teori yang dibincangkan oleh pengkaji terdahulu berkaitan topik sembang santai. Antara teori yang terawal ialah *Phatic Communion Theory* oleh [Malinowski \(1923\)](#) untuk memahami konsep sembang santai. Seterusnya, pengkaji merujuk kepada Teori Topik Standard [Aitchison \(1996\)](#) untuk memahami tentang pemilihan topik sembang santai dalam komunikasi harian. Pengkaji juga merujuk kepada teori [Schneider \(1987\)](#) untuk mengkategorikan topik-topik sembang santai ke dalam kategori yang lebih khusus. Penggunaan ketiga-tiga teori ini adalah untuk mengkaji dan memahami pemilihan topik sembang santai secara ilmiah dan sistematik.

Teori Komunikasi Fatik yang dipelopori oleh [Malinowski \(1923\)](#) telah mendorong sarjana komunikasi lain untuk mengembangkan konsep fatik. Berikut adalah penjelasan tentang beberapa teori yang berkaitan dengan pemilihan topik sembang santai:

2.1.1. Teori Komunikasi Fatik

Komunikasi fatik berasal daripada perkataan Inggeris *phatic communication*. Istilah fatik mula diperkenalkan melalui teori [Malinowski \(1923\)](#) yang menggariskan jenis komunikasi baru atau lebih dikenali sebagai *phatic communion*. Perkataan *phatic* dari segi etimologi, berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud bercakap manakala *communion* pula kesatuan dalam perhubungan ([Fadhil, 2022](#); [Harahap, 2020](#)). Sebaliknya, [Ilmi \(2021\)](#) mengatakan bahawa istilah *phatic* berusul daripada perkataan *phatos* dalam bahasa Yunani yang bermaksud untuk dituturkan. Menurut [Malinowski \(1923\)](#), komunikasi fatik ialah proses pertukaran kata-kata untuk menjaga hubungan sosial antara pihak yang berkomunikasi. Komunikasi ini tidak meletakkan tujuan untuk menyampaikan maklumat. Komunikasi fatik lebih mementingkan hubungan antara penutur dan pendengar. Konsep komunikasi fatik dijelaskan secara umum tanpa perincian yang lebih jelas. Rentetan daripada itu, sarjana komunikasi lain mula mengkaji tentang komunikasi fatik dari sudut yang lebih luas.

2.1.2. Model Bulatan Sepusat Pemilihan Topik Sembang Santai [Schneider \(1987\)](#)

[Schneider \(1987\)](#) menerangkan tentang pengkategorian topik sembang santai kepada tiga kumpulan atau dikenali sebagai '*three concentric circle*'. Pemilihan topik sembang santai adalah bergantung kepada konteks sosial. Berikut merupakan tiga kategori topik sembang santai yang dikemukakan dalam model ini:

- i. Situasi serta-merta (*Immediate situation*): Topik-topik sembang santai dalam kategori ini juga dipanggil kerangka situasi atau *frame of situation*. Untuk menjelaskan idea kerangka situasi, [Schneider \(1987\)](#) menggunakan situasi di parti sebagai contoh untuk menjelaskan tentang topik sembang santai yang mungkin berlaku. Menurutnya, topik sembang santai yang mungkin digunakan dalam kerangka situasi parti ialah topik tentang suasana, minuman, muzik, tetamu atau makanan.
- ii. Situasi luaran (*External situation*) atau topik sosial: Menerangkan semua topik yang mempunyai konteks yang lebih luas. Topik sembang santai dalam kategori ini boleh menjadi berita terkini, politik, sukan, filem atau selebriti.

- iii. Situasi komunikasi (*Communication situation*) atau topik peribadi: Topik sembang santai ini menumpukan kepada topik yang berkaitan dengan lawan bicara. Oleh itu, topik sembang santai lebih tertumpu kepada rakan perbualan seperti hobi, keluarga atau kerjaya mereka. Topik sembang santai pada kategori ini lebih menjurus kepada topik yang lebih peribadi kerana didapati penutur dan lawan bicara sudah semakin rapat dan selesa untuk berkomunikasi.

2.1.3. Teori Topik Standard [Aitchison \(1996\)](#)

Pemilihan topik sembang santai berdasarkan teori [Aitchison \(1996\)](#) adalah merujuk kepada topik-topik standard yang digunakan dalam komunikasi harian. [Aitchison \(1996\)](#) mengkategorikan ungkapan sembang santai ke dalam empat jenis iaitu perkataan ritual, ungkapan topik standard, perbualan sokongan, dan perkataan tidak bermakna.

Perkataan ritual merupakan pertukaran ungkapan atau ucapan ketika dua penutur berinteraksi. Contoh ungkapan tersebut ialah “Hai” dan “Apa khabar?”. Ungkapan topik standard pula merangkumi topik sembang santai tentang cuaca, masa, saudara mara dan kesihatan. Topik sembang santai ini membuka ruang kepada penutur dan pendengar untuk meneruskan perbualan kepada topik seterusnya. Manakala bagi perbualan sokongan, ia meliputi pengulangan sesuatu ungkapan untuk meluahkan perasaan, menunjukkan kesepakatan dan sokongan kepada penutur. Yang terakhir ialah perkataan yang tidak mempunyai makna atau dikenali sebagai fatik untuk mengekalkan hubungan antara dua pihak yang bertutur.

Kertas konseptual ini akan memfokuskan kepada topik perbualan standard yang dikemukakan oleh [Aitchison \(1996\)](#). Antara topik sembang santai yang diketengahkan oleh beliau termasuklah tentang masa, kesihatan, penampilan, cuaca dan hiburan. Secara am, topik sembang santai yang diketengahkan oleh [Aitchison \(1996\)](#) agak umum. Namun begitu, idea ini penting untuk pengkaji mendapatkan gambaran awal tentang topik sembang santai dan seterusnya menjadikannya sebagai panduan untuk menganalisis topik sembang santai dalam kajian ini.

Berdasarkan teori-teori yang dibincangkan, konsep komunikasi fatik yang dipelopori oleh [Malinowski \(1923\)](#) telah membuka ruang dan peluang kepada tokoh linguistik lain untuk menyumbangkan idea dan memperluas komunikasi fatik dalam bidang komunikasi. Teori Komunikasi Fatik [Malinowski \(1923\)](#), Teori [Schneider \(1987\)](#) dan Teori [Aitchison \(1996\)](#) dilihat sebagai teori yang relevan dalam kajian ini dan ketiga-tiga teori ini berkait rapat antara satu sama lain dan menjadi asas kepada kajian pemilihan topik sembang santai.

2.2. Topik Sembang Santai

Topik sembang santai dalam masyarakat telah dibincangkan dalam pelbagai kajian ilmiah. Menurut [Kellermann dan Palomares \(2004\)](#), pemilihan topik sembang santai dalam perbualan seharian bergantung kepada hubungan peribadi antara lawan bicara. Berlainan pula dengan [Endrass et al. \(2011\)](#) yang berpendapat bahawa, pemilihan topik sembang santai bergantung kepada hubungan antara penutur dan lawan bicara serta konteks sosial. [Alexe dan Savu \(2016\)](#) menjelaskan bahawa sembang santai yang lancar pada dasarnya bergantung kepada topik perbualan yang tidak melanggar norma etika sesuatu masyarakat. Menurutnya lagi, topik yang boleh mengembangkan proses sembang santai terutamanya dalam kalangan keluarga dan kawan-kawan ialah berkenaan cuaca. Berdasarkan pandangan [Bechberger \(2016\)](#) pula, topik perbualan sembang santai yang

dikategorikan kepada tiga faktor. Faktor pertama ialah konteks perbualan yang mengambil kira tempat sembang santai berlaku. Faktor kedua ialah topik yang berkaitan dengan diri interlokutor seperti hobi atau impian. Manakala faktor ketiga ialah topik yang mendalami konteks perbualan dengan lebih luas iaitu isu terkini.

Kajian [Archer et al. \(2020\)](#) menggariskan bahawa topik perbualan yang melibatkan keluarga, rakan-rakan, pekerjaan, kemahiran, aktiviti santai, perancangan terkini, tahap pendidikan dan impian menjadi pendorong utama untuk penutur melibatkan diri dalam komunikasi sembang santai dengan selesa. Berdasarkan pandangan [Joseph et al. \(2021\)](#), topik perbualan sembang santai yang pelbagai dilihat penting untuk meningkatkan kemahiran komunikasi sosial dan mengetengahkan norma sosial sembang santai dalam masyarakat. Jelasnya lagi, sembang santai biasanya bergantung pada topik yang berkaitan dengan peristiwa peribadi dan isu semasa. Hal ini membuktikan bahawa pemilihan topik sembang santai penting untuk diketengahkan kepada masyarakat untuk melancarkan proses komunikasi dan menjaga hubungan sosial.

2.3. Pengaruh Budaya Terhadap Pemilihan Topik Sembang Santai

Budaya merupakan satu faktor yang mempengaruhi pemilihan topik sembang santai untuk mencerminkan nilai-nilai budaya, norma dan adat resam sesuatu masyarakat. Budaya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemilihan topik sembang santai yang pelbagai dalam komunikasi harian ([Arshad et al., 2023](#); [Pramesti & Permadi, 2023](#); [Sasmita, 2022](#); [Wibisono et al., 2022](#)). Menurut pengkaji terdahulu, budaya ialah adat resam, amalan, norma etika, kepercayaan, peraturan, pengetahuan yang dibangunkan dalam tempoh tertentu oleh anggota masyarakat dan disimpan dalam konstruk dunia mereka ([Azima et al., 2021](#); [Azzahra et al., 2023](#); [Shevchenko et al., 2021](#)). Sebaliknya, [Nurhayati \(2023\)](#) dan [Hairil et al. \(2023\)](#) menjelaskan bahawa budaya ialah identiti, cara hidup serta bahasa yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat, berkembang dari satu masa ke satu masa dan diwariskan dari generasi ke generasi. Melalui definisi budaya daripada pengkaji terdahulu, dapat diringkaskan bahawa budaya yang berbeza mempunyai set nilai dan keutamaan sendiri yang mempengaruhi cara hidup, penggunaan bahasa dan cara komunikasi. Hal ini termasuklah topik yang dianggap penting atau sesuai untuk sembang santai. Topik sembang santai berbeza mengikut budaya kerana setiap budaya mempunyai keunikan dan nilai tersendiri yang dipegang oleh masyarakat tersebut.

Setiap budaya mempunyai norma-norma sosial yang membentuk tingkah laku, cara mereka melakukan sesuatu dan cara mereka berkomunikasi yang meliputi topik sembang santai. Norma-norma ini termasuklah etika percakapan, tingkat keintiman atau topik yang dianggap tabu atau sensitif ([Emidar, 2022](#); [Febiyana & Turistiati, 2019](#); [Maherani & Yulianeta, 2024](#)). Seseengah topik sembang santai yang dianggap sesuai dalam satu budaya dan tidak semestinya dianggap sesuai dalam budaya lain ([Endrass et al., 2011](#); [Li & Li, 2019](#); [Pesce, 2023](#); [Sasmita, 2022](#)). Namun begitu, topik sembang santai tetap terhad kepada topik yang sesuai dalam semua budaya (cuaca dan makanan) dan tidak sesuai (seks dan kematian) ([Hahn & Molinsky, 2024](#)). Norma sosial ini berperanan penting dalam mempengaruhi pemilihan topik sembang santai. Sebagai contoh, masyarakat Barat agak sensitif untuk bersembang santai dengan topik umur, pendapatan, dan perkahwinan, sedangkan budaya Cina bebas untuk menggunakan topik sedemikian ([Rui, 2019](#); [Yating, 2022](#)). Hal ini didapati sejajar dengan pandangan [Isbister et al. \(2000\)](#) bahawa pengkategorian topik sembang santai yang selamat dan tidak selamat berbeza mengikut latar belakang budaya. Akibatnya, seseengah topik boleh dianggap sebagai selamat dalam satu budaya dan tidak selamat dalam budaya lain.

Norma budaya mengenai hierarki sosial dan dinamik kuasa juga boleh mempengaruhi pemilihan topik sembang santai. Sebagai contoh, topik sembang santai antara pekerja dengan rakan sekerja agak berbeza dengan topik sembang santai yang digunakan antara pekerja dan majikan (Gao, 2022; Rahardi, 2020; Zhang & Liu, 2020). Individu yang mempunyai status sosial yang berbeza mungkin mempunyai tahap pendedahan yang berbeza-beza kepada topik sembang santai. Menurut Saleem et al. (2022), Thamrin dan Gani (2020) penutur yang mempunyai status sosial yang lebih tinggi menggunakan topik sembang santai yang berbeza berbanding dengan penutur yang mempunyai status sosial yang lebih rendah. Cara komunikasi ini sangat dipengaruhi oleh budaya yang menentukan norma dan nilai yang membentuk interaksi yang berkesan antara dua pihak.

Pemahaman tentang pengaruh budaya terhadap pemilihan topik sembang santai sangat penting untuk mengukuhkan hubungan sosial. Masyarakat dapat memahami budaya dan norma-norma yang ada untuk memilih topik sembang santai yang sesuai, mengelakkan salah faham, menghormati dan menghargai budaya lain. Penerokaan tentang pengaruh budaya terhadap pemilihan topik sembang santai memberikan gambaran tentang norma, nilai dan budaya yang membentuk corak pemilihan topik sembang santai.

3. Metod Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis konseptual yang dilaksanakan secara manual, memfokuskan pada pengumpulan, pengelompokan, dan penilaian kritis terhadap dapatan daripada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan pemilihan topik dalam sembang santai merentasi budaya berbeza. Proses analisis ini melibatkan beberapa langkah utama, termasuk mengenal pasti kajian yang relevan, mengkaji konteks dan metodologi kajian terdahulu, serta mengenal pasti tema utama dan pola yang muncul dalam pemilihan topik perbualan. Setiap dapatan diinterpretasikan dalam rangka budaya yang berbeza untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan dalam pemilihan topik, serta untuk memahami bagaimana elemen-elemen budaya seperti nilai, norma, dan kepercayaan mempengaruhi pemilihan dan pengurusan topik perbualan.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1. Topik Sembang Santai dalam Budaya Berbeza

Sejak mula diperkenalkan oleh Malinowski (1923) pada tahun 1923, kajian sembang santai mula mendapat perhatian ramai sarjana komunikasi. Sehingga kini kajian sembang santai juga telah mendapat liputan daripada pengkaji bidang komunikasi dan sosiolinguistik. Sembang santai merupakan satu bentuk komunikasi yang universal dan setiap masyarakat menggunakannya dalam komunikasi harian. Namun begitu, masyarakat yang berlatarbelakangkan budaya yang berbeza mempunyai gaya dan cara tersendiri dalam penggunaan sembang santai. Ini termasuklah pemilihan topik sembang santai.

Sarjana komunikasi terdahulu telah menjalankan kajian tentang topik sembang santai dalam budaya tertentu. Lu (1997) misalnya, membincangkan tentang perbandingan pemilihan topik dalam masyarakat Cina dan Amerika telah mengemukakan perbezaan topik sembang santai dalam kedua-dua budaya. Didapati masyarakat Cina menggunakan topik sembang santai seperti maklumat latar belakang (status perkahwinan, bilangan anak, keluarga), status imigrasi, keadaan ekonomi (pendapatan tahunan, kereta, rumah). Berbeza pula dengan masyarakat Amerika yang menggunakan topik sembang santai

seperti maklumat demografik atau biografik (nama, pekerjaan, kampung halaman, tempat belajar) dan topik yang sedikit peribadi (hobi, minat, perkara yang digemari, perkara yang tidak digemari, cita rasa dan perancangan masa depan). Ini merupakan topik sembang santai yang lazim dan sering digunakan oleh masyarakat Amerika kerana ia tidak mengancam lawan bicara dan tidak boleh dipertikaikan (Lu, 1997).

Manakala bagi masyarakat Melayu, topik sembang santai yang sering digunakan ialah pertanyaan khabar (kesihatan) dan pelawaan untuk melakukan sesuatu perkara (Harun & Rahman, 2005). Berdasarkan pendapat lain, topik sembang santai berkaitan makanan sering digunakan oleh masyarakat Melayu dalam bentuk pertanyaan 'Dah makan?' untuk memulakan bicara dan bersembang santai (Sulaiman & Wilson, 2018). Dapat dilihat bahawa pemilihan topik sembang santai yang sesuai merupakan salah satu strategi yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam memastikan kelancaran dan kejayaan proses komunikasi.

Selain itu, Szerszunowicz (2011) mendapati terdapat perbezaan yang agak ketara tentang pemilihan topik sembang santai antara masyarakat Poland dan masyarakat Inggeris. Dalam komunikasi masyarakat Poland, mereka menggunakan topik sembang santai yang lebih serius (politik, kesihatan, ekonomi) berbanding masyarakat Inggeris (program televisyen, muzik, cuaca). Berlainan pula dengan pandangan Garner dan Sharma (2022) yang menyatakan bahawa pelajar Inggeris menggunakan topik sembang santai seperti kesihatan, cuaca, hujung minggu, diri sendiri, keluarga, berita dan acara terkini dalam komunikasi mereka di sekolah. Hal ini membuktikan bahawa pemilihan topik sembang santai dalam masyarakat Inggeris juga bergantung kepada latar belakang sosial penutur.

Katumba (2016) menjelaskan topik sembang santai yang digunakan oleh masyarakat Indonesia yang menetap di Amerika dan Filipina. Menurutnya, masyarakat Indonesia yang menetap di Amerika lebih selesa apabila penutur menggunakan topik sembang santai yang merangkumi nama, kewarganegaraan, umur, keluarga, pekerjaan dan agama ketika berinteraksi dengan mereka. Manakala bagi masyarakat Indonesia yang menetap di Filipina, topik sembang santai yang digunakan adalah sama seperti topik sembang santai yang digunakan di Indonesia kerana negara Asia mempunyai budaya yang sama (Katumba, 2016). Topik sembang santai tersebut ialah iklim tropika, musim, makanan utama (nasi) dan buah-buahan. Persamaan dari segi budaya dapat melancarkan proses komunikasi mereka dan mengelakkan kegagalan komunikasi. Walaupun begitu, Trihartanti dan Septian (2021) mengemukakan lebih banyak topik sembang santai yang digunakan oleh masyarakat Indonesia di sekolah iaitu permainan dalam talian, kerja rumah, tugas berkumpulan, binatang peliharaan, drama Korea dan isu semasa. Hal ini menunjukkan bahawa latar belakang sosial penutur juga memainkan peranan penting dalam pemilihan topik sembang santai selain faktor budaya.

Menurut Tamimi Sa'd (2019), masyarakat Iran menggunakan topik sembang santai seperti kesihatan, kejayaan, kematian, jemputan majlis, penghargaan dan pujian. Topik sembang santai ini digunakan oleh masyarakat Iran secara meluas dalam ritual atau sesuatu upacara. Berlainan pula dengan pandangan Al-Ali dan Abu-Abah (2021), masyarakat Jordan yang memulakan perbualan telefon dengan topik sembang santai seperti sapaan keagamaan, kesihatan dan sapaan mengikut waktu. Selain itu, kajian Chehimi (2021) yang mengetengahkan beberapa topik sembang santai dalam kalangan pelajar Lubnan dalam perbualan atas talian iaitu politik, seks, gurauan, masalah peribadi dan muzik. Kajian Al-riyahi (2022) pula menyatakan bahawa topik sembang santai dalam kalangan masyarakat Iraq termasuklah sapaan keagamaan, sapaan mengikut waktu,

kesihatan, keluarga dan isu terkini. Berbeza dengan itu, [Eldin \(2023\)](#) menjelaskan bahawa topik sembang santai yang digunakan oleh masyarakat Arab Saudi ialah agama, kesihatan dan keluarga. Manakala [Abdullah Al-Awaid dan Aziz Mohammed \(2024\)](#) menyatakan bahawa masyarakat Arab Saudi menggunakan topik sembang santai berkaitan kesejahteraan, keberkatan, penghargaan pengakuan dan persetujuan. Walaupun fokus kajian mereka merupakan masyarakat yang sama, kedua-dua pengkaji ini mempunyai dapatan kajian yang sedikit berbeza kerana topik sembang santai juga bergantung kepada umur, status sosial dan jarak sosial.

Di samping itu, [Widiana et al. \(2020\)](#) menjelaskan bahawa masyarakat di England lebih cenderung untuk berbual santai tentang topik yang berkaitan berita sukan dan berita hiburan manakala masyarakat British lebih cenderung kepada percakapan mengenai cuaca dan rutin harian untuk bersembang santai. Di samping itu, masyarakat Afrika menggunakan topik sembang santai tentang kesihatan seseorang, kepercayaan agama, kekeluargaan, gaya hidup dan keprihatinan terhadap orang lain ([Wójtowicz, 2021](#)). Masyarakat lain mungkin menganggap mencelah perbualan kurang sopan, tetapi bagi masyarakat Afrika, mereka mencelah perbualan untuk merancakkan perbualan. Namun begitu, mereka menggunakan cara yang agak berbeza. Mereka akan diam seketika sebelum mencelah sebagai isyarat yang menunjukkan lawan bicara sudah menghabiskan kata-katanya. Masyarakat Cina lazimnya memulakan perbualan dengan menggunakan topik sembang santai yang berkaitan makan, destinasi dan cuaca ([Chen & Zhang, 2021](#); [Yang, 2021](#); [Ying & Ren, 2022](#)). Berlainan pula dengan masyarakat Jepun yang bersembang santai dengan topik makanan, pangkat, kesihatan, sapaan mengikut waktu dan keadaan semasa ([Pramesti & Permadi, 2023](#)).

Berdasarkan [Jadual 1](#), pengkaji mendapati pelbagai topik sembang santai yang digunakan oleh masyarakat dalam budaya berbeza. Pemilihan topik sembang santai dalam budaya berbeza yang difahami dengan baik oleh masyarakat dapat mewujudkan suasana yang lebih positif dan selesa apabila bertemu orang baharu, menjadikannya lebih mudah untuk memulakan perbualan dan membentuk hubungan sosial. Pada masa yang sama, didapati topik sembang santai berbeza-beza dengan ketara dengan sedikit persamaan merentas budaya, dan beberapa topik yang dianggap boleh diterima dalam satu budaya mungkin menyinggung perasaan atau tidak sesuai dalam budaya lain. Masyarakat juga dapat mengelakkan salah faham dan menangani isu komunikasi seperti pelanggaran norma etika, salah faham dan jurang komunikasi sekiranya mereka menyedari dan memahami perbezaan pemilihan topik sembang santai dalam budaya berbeza.

Jadual 1: Topik Sembang Santai dalam Budaya Berbeza

Kajian	Masyarakat	Topik sembang santai
Lu (1997)	Cina	Status perkahwinan, bilangan anak, keluarga, status imigrasi, pendapatan tahunan, kereta dan rumah
	Amerika	Nama, pekerjaan, kampung halaman, tempat belajar, hobi, minat, perkara yang diminati, perkara yang tidak diminati, cita rasa dan perancangan masa depan
Harun & Rahman (2005)	Melayu	Kesihatan dan pelawaan
Szczeszunowicz (2011)	Poland	Politik, kesihatan, ekonomi

Katempa (2016)	Inggeris Indonesia	Program televisyen, muzik, cuaca Nama, kewarganegaraan, umur, keluarga, pekerjaan dan agama
Sulaiman & Wilson (2018)	Melayu	Makanan (Sudah makan?)
Tamimi Sa'd (2019)	Iran	Kesihatan, kejayaan, kematian, jempunan majlis, penghargaan dan pujian
Widiana et al. (2020)	British	Sukan dan hiburan, cuaca dan rutin harian
Al-Ali & Abu-Abah (2021)	Jordan	Sapaan keagamaan, kesihatan dan sapaan mengikut waktu
Chehimi (2021)	Lubnan	Politik, seks, gurauan, masalah peribadi dan muzik
Trihartanti & Septian (2021)	Indonesia	permainan dalam talian, kerja rumah, tugasan berkumpulan, binatang peliharaan, drama Korea dan isu semasa
Wójtowicz (2021)	Afrika	Kesihatan, kepercayaan agama, keluarga, gaya hidup dan keprihatinan terhadap orang lain
Chen & Zhang (2021), Yang (2021), Ying & Ren (2022)	Cina	Makanan, destinasi dan cuaca
Al-riyahi (2022)	Iraq	Sapaan keagamaan, sapaan mengikut waktu, kesihatan, keluarga dan isu terkini
Garner & Sharma (2022)	Inggeris	Kesihatan, cuaca, hujung minggu, diri sendiri, keluarga, berita dan isu terkini
Eldin (2023)	Arab Saudi	Agama, kesihatan dan keluarga
Pramesti & Permadi (2023)	Jepun	Makanan, pangkat, kesihatan, sapaan mengikut waktu dan keadaan semasa
Abdullah Al-Awaid & Aziz Mohammed (2024)	Arab Saudi	Kesejahteraan, keberkatan, penghargaan pengakuan dan persetujuan

4.2. Topik Tabu dalam Sembang Santai Merentas Budaya Berbeza

Tabu dari segi bahasa bermaksud sesuatu yang dilarang dan ditegah dalam komunikasi manakala dari segi etimologi pula, tabu berasal daripada bahasa Polinesia iaitu tapu yang bermaksud sesuatu yang dilarang untuk digunakan (Sari, 2020; Hassan et al., 2021). Dalam kertas konsep ini, topik tabu dalam komunikasi sembang santai dapat ditakrifkan sebagai subjek atau topik tertentu yang tidak wajar atau tidak sesuai untuk diucapkan dalam situasi perbualan tertentu (Jing, 2020; Dai, 2021; Liddy & Wahab, 2021; Degmečić, 2021; Tan, 2022; Mahayana et al., 2022).

Dalam komunikasi sembang santai, terdapat topik tertentu yang biasanya dianggap tabu kerana ia boleh menjadi sensitif, menyinggung perasaan atau tidak selesa bagi sesetengah masyarakat (Ismail et al., 2016; Jdetawy, 2019; Rahimi, 2019; Hendal, 2021). Topik tabu dalam budaya berbeza bergantung kepada norma, nilai dan sensitiviti setiap masyarakat. Hal ini adalah kerana topik tabu dikaitkan dengan budaya dan masyarakat. Oleh itu, ia berbeza mengikut negara (Hendal, 2021; Altabaa & Fadzir, 2022). Topik tabu untuk sembang santai penting untuk difahami dan dihormati dalam sebarang situasi komunikasi untuk membina hubungan yang baik dan mengelakkan ketegangan dalam perbualan.

Purnamasari (2019) menjelaskan bahawa penutur bebas untuk memilih topik sembang santai kerana ia semata-mata untuk membina hubungan sosial. Pendapat ini disangkal oleh Sasmita (2022) yang menyatakan pemilihan topik sembang santai yang sesuai

mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kelancaran dan keberkesanan proses komunikasi. Menurutnya lagi, sekiranya penutur menggunakan topik sembang santai yang kurang sesuai dan menyentuh sensitiviti sesuatu budaya, proses komunikasi tersebut akan gagal dan boleh menimbulkan salah faham. Penutur yang berlainan budaya menghadapi cabaran untuk salah faham ketika berkomunikasi khususnya dalam pemilihan topik dan topik tabu dalam komunikasi sembang santai (Ren & Liu, 2019; Sverdlova & Meishan, 2020; Tan, 2022). Seseengah topik sembang santai boleh diterima dalam sesuatu budaya dan dianggap kurang sesuai dalam budaya lain. Begitu juga dengan topik tabu yang menjadi kebiasaan dalam seseengah budaya, tetapi dalam budaya lain, ia tidak wajar untuk digunakan dalam komunikasi sembang santai.

Sebagai contoh, masyarakat Sepanyol menganggap topik sembang santai tentang perang sebagai topik tabu yang sensitif. Manakala masyarakat Algeria menganggap topik pengguguran bayi perlu dielakkan dalam temu bual formal (Driessen & Jansen, 2013). Walaupun temu bual yang formal, sembang santai dilihat penting bagi melancarkan proses temu bual (Stewart et al., 2008; Barrick et al., 2010). Lantaran itu, apabila penutur dari budaya lain ingin berinteraksi dengan masyarakat Sepanyol dan Algeria, sembang santai yang digunakan seharusnya tidak berkaitan dengan topik perang dan pengguguran bayi untuk memastikan proses temu bual berjalan lancar. Niraula et al. (2022) menjelaskan bahawa topik tabu dalam masyarakat Nepal ialah politik, agama, bangsa dan seks. Menurutnya lagi, penggunaan topik tabu sembang santai dalam masyarakat ini ditentukan sepenuhnya oleh faktor yang berbeza seperti latar sosio-fizikal, hubungan pendengar-penutur dan pilihan perkataan. Perkara ini menunjukkan bahawa dalam komunikasi antara penutur dari budaya yang sama, budaya tidak memainkan peranan dalam penggunaan topik tabu dalam sembang kerana mereka sudah memahami budaya mereka sendiri.

Kebanyakan orang British dan Amerika menganggap pertanyaan tentang umur, pendapatan, status perkahwinan, dan kepercayaan agama apabila mereka bertemu buat kali pertama seperti "Berapa umur anda?", "Berapa pendapatan anda?" atau "Adakah anda sudah berkahwin?" adalah tidak sopan (Yang, 2021). Didapati topik sembang santai tersebut sesuai untuk digunakan apabila penutur dan pendengar mempunyai hubungan yang rapat. Oleh itu, jarak sosial antara dua pihak yang berinteraksi juga mempengaruhi pemilihan topik sembang santai.

Beberapa pengkaji terdahulu telah menjalankan penerokaan tentang topik tabu dalam komunikasi sembang santai dari segi komunikasi sembang santai dalam bidang pendidikan. Tekin (2011) mengkaji sikap pelajar Turki terhadap topik sembang santai berkaitan homoseksual, perzinaan dan seks pranikah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai sikap negatif dan tidak keberatan untuk membicarakan topik tersebut dalam kelas bahasa Inggeris walaupun ia dilihat sebagai tabu oleh majoriti masyarakat Turki. Selain itu, Timina dan Butler (2011) meneroka sikap 70 pelajar Taiwan untuk mengenal pasti topik yang membuat mereka berasa tidak selesa. Didapati bahawa pelajar tidak mahu membincangkan beberapa topik kehidupan peribadi mereka termasuk kesilapan, kelemahan, hubungan teman lelaki, teman wanita, penyakit, seks, homoseksual, pendapatan keluarga, kepercayaan agama, politik, penampilan diri, keluarga ibu bapa tunggal, khurafat dan kematian kerana topik-topik tersebut merupakan topik tabu dalam budaya mereka. Dalam komunikasi pelajar Arab dalam kelas, didapati topik tabu dalam komunikasi sembang santai mempunyai persamaan dan perbezaan berdasarkan dapatan Gobert (2014), Tamimi Sa'd (2017) serta El-Sakran dan El-Sakran (2021). Ketiga-tiga pengkaji ini mengetengahkan dapatan bahawa topik tabu sembang

santai dalam kalangan pelajar Arab ialah seks, agama, kematian, penggunaan dadah, alkohol. Namun, [Tamimi Sa'd \(2017\)](#) mengemukakan beberapa tambahan topik tabu sembang santai iaitu kesihatan, penyakit, politik, harta benda, kebolehan serta hubungan keluarga manakala tambahan topik tabu sembang santai daripada [El-Sakran dan El-Sakran \(2021\)](#) ialah kawalan kelahiran anak, khurafat, daging babi, teman lelaki, teman wanita, temu janji, hak *gay* dan perkahwinan sejenis. Ketiga-tiga pengkaji ini juga menjelaskan bahawa penggunaan topik tabu sembang santai di dalam kelas berperanan untuk menggalakkan pelajar berinteraksi dan berdaya saing di dalam kelas. Pelajar juga dapat memberikan pandangan dan idea tersendiri berkenaan isu atau topik tabu tersebut. Walaupun dianggap sebagai topik yang tidak sesuai digunakan dalam komunikasi sosial, dari sudut lain ia juga memberikan impak positif kepada pelajar di dalam kelas.

Beberapa pengkaji terdahulu juga telah menjalankan kajian tentang topik sembang santai ketika berkomunikasi dengan pesakit. Misalnya, topik tabu sembang santai dalam masyarakat Taiwan, Cina, masyarakat Amerika dan masyarakat Ireland Utara ialah tentang kematian manakala masyarakat Magribi menganggap topik sembang santai yang berkaitan penyakit psikiatri sebagai topik tabu ([Lin et al., 2019](#); [Li et al., 2020](#); [Perez et al., 2020](#); [Nabben et al., 2021](#); [Graham-Wisener et al., 2022](#)). Perbualan mengenai kematian dengan pesakit yang mempunyai penyakit kronik atau kanser merupakan topik yang kurang sesuai untuk diutarakan oleh penutur. Menurut [Tan \(2022\)](#), dalam budaya Cina, topik sembang santai yang berkaitan kematian merupakan topik yang paling tidak popular dan mereka akan mengelakkan diri mereka daripada bercakap tentang kematian. Hal ini adalah kerana topik sembang santai ini dianggap sensitif dan boleh menjejaskan tahap kesihatan pesakit sekiranya digunakan dalam interaksi sosial.

Pengkaji bidang komunikasi seperti [Morsalin dan Adnan \(2022\)](#) mengemukakan penggunaan topik tabu sembang santai oleh masyarakat Melayu seperti seks dan perkumuhan, alat sulit, penyakit dan kematian, penghinaan Tuhan, upah, gaji, dan umur wanita. Manakala dapatan [Altabaa dan Fadzir \(2022\)](#) menjelaskan bahawa haiwan, kaum, agama dan kepercayaan, organ kemaluan, dan kecacatan fizikal merupakan topik tabu sembang santai dalam masyarakat Melayu. Walaupun daripada masyarakat yang sama, kedua-dua pengkaji ini menjelaskan bahawa topik sembang santai yang tabu juga bergantung kepada konteks perbualan sama ada secara bersemuka atau dalam media sosial.

Berdasarkan contoh topik tabu dalam komunikasi sembang santai di atas, didapati topik tabu dalam komunikasi sembang santai merentas budaya berbeza adalah pelbagai dan berbeza-beza mengikut budaya. Dapat dilihat bahawa bukan sahaja topik sembang santai yang berbeza, malah topik tabu dalam komunikasi sembang santai juga berbeza-beza. Selain itu, topik tabu sembang santai juga bergantung kepada latar belakang sosial, jarak sosial dan konteks perbualan. Penggunaan topik tabu sembang santai dalam konteks masyarakat berbilang budaya tidak sewajarnya digunakan dalam komunikasi sosial bagi mengelakkan penutur daripada melanggar norma etika dan pantang larang dalam sesuatu budaya. Namun begitu, dalam sesetengah situasi dan konteks perbualan, penggunaan topik tabu boleh meningkatkan kompetensi penutur untuk membincangkan dan memberikan pandangan tentang topik tabu tersebut.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, terdapat pelbagai topik sembang santai yang digunakan dalam proses interaksi masyarakat daripada budaya berbeza. Sembang santai ialah perbualan

kasual yang ringkas untuk menjaga hubungan sosial antara dua pihak yang bertutur tanpa tujuan untuk menyampaikan maklumat. Sembang santai penting untuk melancarkan proses interaksi dan mengelakkan komunikasi menjadi kaku. Kejayaan komunikasi sembang santai bergantung kepada pemilihan topik yang tidak menyentuh unsur sensitif. Topik sembang santai dalam budaya berbeza ada kalanya mempunyai persamaan dan perbezaan. Perbezaan ini lazimnya menjadi topik sembang santai yang tabu dalam budaya lain. Berdasarkan kajian terdahulu, dapat dilihat topik sembang santai yang universal dan digunakan kebanyakan masyarakat ialah kesihatan, cuaca dan makanan. Manakala topik tabu yang universal dalam komunikasi sembang santai ialah seks, penyakit dan kematian. Didapati budaya merupakan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan topik sembang santai termasuklah topik tabu. Walau bagaimanapun, terdapat faktor lain yang mempengaruhi pemilihan topik sembang santai dan topik tabu dalam komunikasi sembang santai seperti konteks situasi, status sosial dan latar belakang sosial.

Ringkasnya, memahami topik sembang santai dalam budaya yang berbeza bukan hanya tentang mengetahui tentang perkara yang hendak dikatakan tetapi juga tentang menunjukkan rasa hormat dan penghargaan terhadap latar belakang budaya orang lain. Ia dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kecekapan komunikasi silang budaya, perhubungan dan integrasi dalam pelbagai konteks sosial dan profesional. Masyarakat dicadangkan untuk lebih peka, memahami dan menghormati budaya lain untuk menghasilkan proses komunikasi yang harmoni. Kajian pemilihan topik sembang santai selanjutnya, dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk memfokuskan kepada perbandingan pemilihan topik sembang santai dalam dua budaya untuk melihat persamaan dan perbezaan dengan lebih sistematik. Kajian pemilihan topik sembang santai wajar dikembangkan lagi berdasarkan faktor jantina, umur, status sosial dan jarak sosial dengan penggunaan teori lain untuk memperkaya dan menyumbang kepada bidang ilmu komunikasi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada para pengkaji terdahulu yang telah menjalankan pelbagai kajian yang berkaitan dengan tajuk ini yang dengan itu membolehkan penulis membuat analisis dengan lebih terperinci.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Al-Awaid, S. A., & Aziz Mohammed, A. S. (2024). Saudi phatic communication in translation: A cultural and linguistic perspective. *World Journal of English Language*, 14(3), 490–495. <https://doi.org/10.5430/wjel.v14n3p490>
- Adisti, N. I., Salliyanti, & Sembiring, S. (2024). Penggunaan kategori fatis pada masyarakat

- Minangkabau di Pasar Sukaramai, Medan: Kajian sosiolinguistik. *Journal of Science and Social Research*, 7(2), 416–422. <http://jurnal.goretanpena.com/index.php/JSSR>
- Aitchison, J. (1996). *The seeds of speech language origin and evolution*. Cambridge University Press.
- Al-Ali, M. N., & Abu-Abah, R. N. (2021). The functional components of telephone conversation opening phase in Jordanian Arabic. *Pragmatics*, 31(1), 6–32. <https://doi.org/10.1075/prag.19034.ala>
- Al-riyahi, A. P. A. A. (2022). Greetings in Iraqi Arabic: An auditory study. *Tasnim International Journal for Human, Social and Legal Sciences*, 1(1), 220---240.
- Alek, & Abdullah, U. (2023). Linguistic diversity and communication dynamics : An in-depth study of phatic expressions in Bima. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 13(2), 358–367. <https://doi.org/https://doi.org/10.17509/ijal.v13i2.63097>
- Alexe, M., & Savu, E. (2016). Small Talk as a sign of cultural differences. *Proceedings of University of Ruse*, 55, 44–47.
- Altabaa, H., & Fadzir, F. A. (2022). Malay linguistic taboos: A study on social acceptance and gender differences. *Academic Biannual Refereed Journal*, 6(2), 371–401.
- Arshad, M., Bashir, A., & Khalid, M. (2023). An analysis of the use of various functions of language in Zia Mohyeddin's speech. *Harf-o-Sukhan*, 7(4), 216–223.
- Archer, D., Lansley, C., & Garner, A. (2020). *Keeping airports safe: The value of small talk. Politeness in Professuinal Contexts*. John Benjamins
- Azima, N. S., Furnamasari, Y. F., & Dewi, D. A. (2021). Pengaruh masuknya budaya asing terhadap nasionalisme bangsa Indonesia di era globalisasi. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 5(3), 7491–7496.
- Azzahra, H., Hasanah, R. D., & Nazwa, S. (2023). Budaya dan perkembangan Kota Medan dalam perspektif sejarah. *GARUDA : Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan Dan Filsafat*, 1(2), 66–75. <https://doi.org/https://doi.org/10.59581/jpkf-widyakarya.v1i2.328>
- Barrick, M. R., Swider, B. W., & Stewart, G. L. (2010). Initial Evaluations in the Interview: Relationships with Subsequent Interviewer Evaluations and Employment Offers. *Journal of Applied Psychology*, 95(6), 1163–1172. <https://doi.org/10.1037/a0019918>
- Bechberger, L. (2016). *Personalized News Event Retrieval for Small Talk in Social Dialog Systems*. Karlsruhe Institute of Technology.
- Bickmore, T., & Cassell, J. (1999). Small talk and conversational storytelling in embodied conversational interface agents. In *AAAI Fall Symposium on Narrative Intelligence*. 87-92.
- Budiawati, S. (2021). *An Analysis of Phatic Communion With Socio-Pragmatics Approach Used by The Characters in Little Women Movie*. Universitas Islam Riau.
- Bunda, S. P., Hermandra, & Sinaga, M. (2022). Bentuk dan fungsi fatis dalam bahasa Melayu Riau Dialek Kuantan Singingi. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(1), 2478–2484.
- Cendriono, N., & Sudaryanto. (2023). Kategori fatis dan ungkapan sapaan bahasa Indonesia dalam teks pidato Presiden Jokowi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 12(2), 135–143.
- Chehimi, G. M. (2021). Chatting online: An assessment of bilingualism and the social contexts of language in Lebanon. *English Linguistics Research*, 10(3), 8–40. <https://doi.org/10.5430/elr.v10n3p8>
- Chen, H., & Zhang, X. (2021). Diachronic changes of Chinese phatic communion and its change tendency: Phatic communion used in Chinese TV plays and films. *Cross-Currents: An International Peer-Reviewed Journal on Humanities & Social Sciences*, 7(3), 62–66. <https://doi.org/10.36344/ccijhss.2021.v07i03.002>
- Dai, C. (2021). The influence of the main taboo customs differences between Tibetan

- nationality and English speaking countries on intercultural communication. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 588, 268–272. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.211025.044>
- Degmečić, T. (2021). *Taboo topics in the classroom*. University of Zagreb.
- Djawa, A., & Djuli, L. (2024). Makian dalam bahasa (dialek) Melayu Kupang. *Jurnal Lazuardi*, 7(1), 40–48. <http://ejurnal-pendidikanbahasaundana.com>
- Driessen, H., & Jansen, W. (2013). The hard work of small talk in ethnographic fieldwork. *Journal of Anthropological Research*, 69(2), 249–263. <https://doi.org/10.3998/jar.0521004.0069.205>
- Dwiningtyas, N. M. R. A., Krisnawati, N. L. P., & Malini, N. L. N. S. (2023). Speech functions analysis used by the main character in “Over the Moon” Movie (2020). *KLAUSA (Kajian Linguistik, Pembelajaran Bahasa, Dan Sastra)*, 7(1), 68–80. <https://doi.org/10.33479/klausav7i1.713>
- El-Sakran, T., & El-Sakran, O. (2021). The Case of Culturally Sensitive Topics in the English Language Classrooms: Secondary School Teachers’ Perspective. *Journal of English as an International Language*, 16(1), 37–59.
- Eldin, K. T. (2023). What is your color? A study of Najdi Bedouin greetings. *Asiatic*, 17(2), 11–30. <https://doi.org/10.31436/asiatic.v17i2.2994>
- Emidar. (2022). Problems of Cross-Cultural Communication for BIPA Program Students at Universitas Negeri Padang. *Proceedings of the 5th International Conference on Language, Literature, and Education (ICLLE-5 2022)*, 223–232. https://doi.org/10.2991/978-2-494069-85-5_25
- Endrass, B., Rehm, M., & André, E. (2011). Planning Small Talk behavior with cultural influences for multiagent systems. *Computer Speech and Language*, 25(2), 158–174. <https://doi.org/10.1016/j.csl.2010.04.001>
- Ezeh, N. G., & Obiwulu, A. C. (2023). the Role of Dressing and Phatic Communion As Means of Cultural Expression in Nigeria. *International Journal of the Arts and Sciences*, 5(1), 66–85. <https://imtijotas.org.ng/index.php/about/article/view/5%0Ahttps://imtijotas.org.ng/index.php/about/article/download/5/11>
- Fadhil, Z. A. (2022). The Function of Phatic Communication in the English Language. *English Language, Literature & Culture*, 7(2), 62–65. <https://doi.org/10.11648/j.ellc.20220702.13>
- Febiyana, A., & Turistiati, A. T. (2019). Komunikasi antarabudaya dalam masyarakat multikultur (studi kasus pada karyawan warga negara Jepang dan Indonesia di PT. Tokyu Land Indonesia). *LUGAS Jurnal Komunikasi*, 3(1), 33–44. <https://doi.org/10.31334/ljk.v3i1.414>
- Gao, Y. (2022). Discussion on Intercultural Communication from the Differences between Chinese and Western Concepts of Face. *Open Access Library Journal*, 09(09), 1–12. <https://doi.org/10.4236/oalib.1109244>
- Garner, A. M., & Sharma, B. K. (2022). The Social, Intercultural, and Transactional Nature of Small Talk in the Second Language Classroom. *TESOL Communications*, 1(2), 19–33. <https://doi.org/10.46451/tc.20220202>
- Gobert, M. (2014). Taboo topics in the ESL Classroom in the Gulf Region. In R. Raddawi (Ed.), *Intercultural Communication with Arabs* (pp. 109–126). Springer.
- Graham-Wisener, L., Nelson, A., Byrne, A., Islam, I., Harrison, C., Geddis, J., & Berry, E. (2022). Understanding public attitudes to death talk and advance care planning in Northern Ireland using health behaviour change theory: a qualitative study. *BMC Public Health*, 22(1), 1–19. <https://doi.org/10.1186/s12889-022-13319-1>
- Hahn, M., & Molinsky, A. (2024). *How to Make Small Talk with Anyone from Anywhere*. Harvard Business Review Home.

- Hairil, Suhaeb, F. W., & Ismail, A. (2023). Identitas budaya di era globalisasi. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Pendidikan (JISIP)*, 7(3), 2598–9944. <https://doi.org/10.58258/jisip.v7i1.5240/http>
- Halomoan, H. S. (2022). Analysis of Phatic Expressions Using Greetings & Salutations In English. *E-LinguaTera*, 2(1), 9–18. <https://doi.org/10.31253/lt.v2i1.1295>
- Harahap, C. (2020). *Cultural Phatic Communication Expression in the Movie Entitled Toba Dreams*. University of Muhammadiyah Sumatera Utara, Medan.
- Harun, H., & Rahman, N. A. A. (2005). Politeness Strategies in Malay and English : Expressions. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 4(1), 111–130.
- Hassan, H., Yusoff, R., & Sahar, N. S. (2021). Pengetahuan bersama tentang tabu dalam masyarakat silang budaya sebagai jaminan kesantunan berbahasa. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 42–74.
- Hendal, B. A. (2021). Translation of taboos: A case study on translating the f-word into Arabic. *Journal of Research in Language & Translation*, 1(1), 47–65.
- Hermansson, M., & Larsson, S. (2019). *Beyond Small Talk: The Important of Informal Communication for Management Consultants When Integrating Knowledge in Projects*. Linköping University.
- Hinkel, E. (1994). Topic Appropriateness in Cross-Cultural Social Conversations. *Pragmatic and Language Learning*, 5(Monograph Series).
- Hoài, H. T. T., Linh, N. T., & Hà, N. T. H. (2019). A Case Study of Intercultural Communication: Small Talk At Different Stages of Relationship Between a Vietnamese and an American. *TNU Journal of Science and Technology*, 225(03), 26–32. <https://doi.org/10.34238/tnu-jst.2020.03.1782>
- Ilmi, A. B. I. (2021). *Phatic communion in the daily conversation of indonesian and australian students: a cross-cultural pragmatic perspective thesis*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Isbister, K., Nakanishi, H., Ishida, T., & Nass, C. (2000). Helper agent: Designing an assistant for human-human interaction in a virtual meeting space. *Conference on Human Factors in Computing Systems - Proceedings*, 2(1), 57–64. <https://doi.org/10.1145/332040.332407>
- Ismail, I. R., Noh, C. H. C., & Omar, K. (2016). Knowing the Taboos, Improve Intercultural Communication: A Study at Terengganu, East Coast of Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 219, 359–366. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.04.057>
- Ismatullaeva, I. I., Filimonova, L. Y., & Rustamovich, A. O. (2022). Sociolinguistics and its development as an independent science. *Academic Research in Educational Sciences*, 3(10), 9–.
- Jdetawy, L. F. (2019). A sociolinguistic view of euphemism in Arabic and English: A comparative study. *International Journal of Development Research*, 09(10), 30833–30846.
- Jeng, A., Bosch, N., & Perry, M. (2024). Phatic expressions influence perceived helpfulness in online peer help-giving: A mixed methods study. *Learning and Instruction*, 91. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2024.101893>
- Jing, Y. (2020). The attitude of Chinese students towards discussing politics in front of non-Chinese. *Annual Review of Education, Communication & Language Sciences*, 17, 23–59.
- Joseph, B., Kearney, K. B., Brady, M. P., Downey, A., & Torres, A. (2021). Teaching small talk: Increasing on-topic conversational exchanges in college students with intellectual and developmental disabilities using remote audio coaching. *Behavior Modification*, 45(2), 1–21. <https://doi.org/10.1177/0145445520975174>
- Katamba, C. V. (2016). Small talk among the Indonesians in three different countries:

- America, Indonesia, Philippines. *Acuity: Journal of English Language Pedagogy, Literature and Culture*, 1(2), 66–85. <https://doi.org/10.35974/acuity.v1i2.606>
- Kellermann, K., & Palomares, N. A. (2004). Topical profiling emergent, co-occurring, and relationally defining topics in talk. *Journal of Language and Social Psychology*, 23(3), 308–337. <https://doi.org/10.1177/0261927X04266811>
- Li, M., Hickman, L., Tay, L., Ungar, L., & Guntuku, S. C. (2020). Studying politeness across cultures using English Twitter and Mandarin Weibo. *Proceedings of the ACM on Human-Computer Interaction*, 4(CSCW2). <https://doi.org/10.1145/3415190>
- Li, Y., & Li, Y. (2019). Cultural differences in everyday conversation between the East and the West. *5th International Conference on Education Technology, Management and Humanities Science (ETMHS 2019)*, 1070–1073. <https://doi.org/10.25236/etmhs.2019.230>
- Liddy, M., & Wahab, K. A. (2021). Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 375–388. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-29>
- Lin, M. H., Wu, C. Y., & Hsu, H. C. (2019). Exploring the experiences of cultural competence among clinical nurses in Taiwan. *Applied Nursing Research*, 45(261), 6–11. <https://doi.org/10.1016/j.apnr.2018.11.001>
- Lu, J., Kaufmann, L., & Carter, C. R. (2019). Small talk, big impact – The influence of casual collegial advice on purchasing negotiations. *Journal of Purchasing and Supply Management*, 25(5), 1478–4092. <https://doi.org/10.1016/j.pursup.2019.100576>
- Lu, S. (1997). *Intercultural Small Talk: An Ethnographic Analysis of Interactions Among Chinese and Americans* [University of Maryland]. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jaci.2012.05.050>
- Mahayana, M. A., Winaya, M. D., Suarjaya, A. A. G., & Saskara, I. G. S. H. (2022). Penggunaan ungkapan tabu di Desa Tenganan Pegringsingan Kajian sosio pragmatik. *LINGUA*, 19(2), 121–136. <https://doi.org/10.30957/lingua.v19i2.763.orang>
- Maherani, V., & Yulianeta, Y. (2024). Uncovering cross cultural communication challenges: Understanding polite and impolite small talk in BIPA Immersion Programs in Indonesia. *Proceedings of the 7th International Conference on Language, Literature, and Education (ICLLE-5 2024)*.
- Malelak, D. M. (2024). Frasa fatis bahasa Melayu Kupang. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa Dan Sastra*, 10(3), 2520–2526.
- Malinowski, B. (1923). The Problem of Meaning in Primitive Language. In *The Meaning of Meaning* (pp. 296–336). Harcourt, Brace & World, Inc.
- Mas, I. G., Sareng, C. R., & Lalong, A. (2023). Phatic communication in the context of casual conversation of Sikka People in Wolomotong Village. *Journal of Language and Literature*, 11(1), 48–61.
- Methot, J. R., Rosado-Solomon, E. H., Downes, P., & Gabriel, A. S. (2020). Office Chit-Chat as a Social Ritual: The Uplifting Yet Distracting Effects of Daily Small Talk at Work. *Academy of Management Journal*. <https://doi.org/10.5465/amj.2018.1474>
- Morsalin, A. Z. S., & Adnan, W. H. (2022). The usage of taboo words and euphemism among Malaysian students on social media: A comparative study. *Journal of Media and Information Warfare*, 15(1), 111–122.
- Nabben, T., Weijs, J., & van Amsterdam, J. (2021). Problematic use of nitrous oxide by young Moroccan–Dutch adults. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(11). <https://doi.org/10.3390/ijerph18115574>
- Niraula, N. B., Dulal, S., & Koirala, D. (2022). Linguistic taboos and euphemisms in Nepali. *ACM Transactions on Asian and Low-Resource Language Information Processing*, 21(6), 1–26. <https://doi.org/10.1145/3524111>
- Nurhayati, D. A. (2023). Toleransi budaya dalam masyarakat multikultur (Studi kasus

- peran masyarakat dalam menoleransi Pendatang di Kota Serang). *Prosiding Seminar Nasional Komunikasi, Administrasi Negara Dan Hukum*, 1(1), 95–102. <https://doi.org/10.30656/senaskah.v1i1.187>
- Perez, G. K., Salsman, J. M., Fladeboe, K., Kirchhoff, A. C., Park, E. R., & Rosenberg, A. R. (2020). Taboo topics in adolescent and young adult oncology: Strategies for managing challenging but important conversations central to adolescent and young adult cancer survivorship. *American Society of Clinical Oncology Educational Book*, 40, e171–e185. https://doi.org/10.1200/edbk_279787
- Pesce, L. (2023). *Teaching Small Talk and Speech Acts to Improve Pragmatic Skills of Hmong Americans*. University of Wisconsin River Falls.
- Pluszczyk, A. (2020). Socializing amongst students: An investigation of small talk phenomenon from the perspective of female university students. *Linguistica Silesiana*, 41, 197–227. <https://doi.org/10.24425/linsi.2020.133272>
- Pramesti, P. D. M. Y., & Permadi, K. S. (2023). Interlanguage pragmatics of Japanese greetings by Indonesian learners (Case study in careworker class in Mirai Mandiri Singaraja). *Prosiding Seminar Nasional Riset Bahasa Dan Pengajaran Bahasa*, 5(1), 157–165. <https://doi.org/10.31940/senarilip.v5i1.157-165>
- Purnamasari, D. (2019). A socio-pragmatic study of phatic utterance in The Secret Life of Pets Movie. *English Language and Literature: Their Contemporary Roles Conference Book*, 3, 132–138.
- Puspitasari, L., Soepardjo, D., & Roni. (2024). Komunikasi fatik pada film Good Doctor dalam kaitannya dengan tachiba. *EDUKASIA: Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran*, 5(1), 207–222. <https://doi.org/10.62775/edukasia.v5i1.744>
- Rahardi, R. K. (2020). Pragmatic Meanings of Javanese Phatic Marker 'Sampun': Culture-Specific Pragmatic Perspective. *RETORIKA: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 13(1), 125. <https://doi.org/10.26858/retorika.v13i1.11227>
- Rahima, A., & Wahyuni, I. (2021). Bentuk fatis dalam wacana lisan percakapan keluarga pada masyarakat Melayu Jambi. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 21(3), 1465–1468. <https://doi.org/10.33087/jiubj.v21i3.1778>
- Rahimi, E. (2019). A study of appropriacy of cultural conceptualizations of taboo topics in EFL classes. *Konińskie Studia Językowe*, 7(4), 495–514. <https://doi.org/10.30438/ksj.2019.7.4.5>
- Ren, D., & Liu, Z. (2019). Chinese People's Pragmatic Failure in English in Cross-cultural Communication. *International Conference on Literature, Art and Human Developmeny*, 303–310. <https://doi.org/10.25236/iclahd.2019.063>
- Risdadi, S., Ramli, Fitriani, S. S., & Iskandar, D. (2023). Culture-specific properties of greeting in Acehese and Turkish: A sociolinguistic study in conversational opening. *Linguistik Indonesia*, 41(2), 299–317. <https://doi.org/10.26499/li.v41i2.415>
- Robles, J. S. (2017). Culture in conversation. In *The International Encyclopedia of Intercultural Communication*. John Wiley & Sons, Inc. <https://doi.org/10.1002/9781118783665.ieicc0118>
- Rosado-Solomon, E. H. (2019). *The Big Effects of Small Talk in The Workplace*. Rutgers, the State University of New Jersey.
- Rui, L. (2019). Studies on taboo customs in China and Western countries from the perspective of intercultural communication. *Sino-US English Teaching*, 16(3), 113–119. <https://doi.org/10.17265/1539-8072/2019.03.004>
- Saleem, A., Saira, & Deebea, F. (2022). Relationship between language and culture: A study of communication styles and social identities of post- graduates in a university. *Pakistan Languages and Humanities Review*, 6(2), 352–362. [https://doi.org/10.47205/plhr.2022\(6-ii\)30](https://doi.org/10.47205/plhr.2022(6-ii)30)
- Sari, R. P. (2020). Kata-kata tabu dalam Novel Seperti Dendam, Rindu Harus Dibayar

- Tuntas Karya Eka Kurniawan: Tinjauan antropolinguistik. *Bapala: Prodi Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 7(2).
- Sasmita, R. W. (2022). A comparative study of topic selection schema in the first-time conversation between Japanese and Sundanese native speakers. *JAPANEDU: Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran Bahasa Jepang*, 07(01), 1–9.
- Schneider, K. P. (1988). *Analysing phatic discourse*. Hitzeroth.
- Schneider, K. P. (1987). Topic selection in phatic communication. *Multilingua*, 6(3), 247–256. <https://doi.org/10.1515/mult.1987.6.3.247>
- Shevchenko, I., Matiukhina, Y., & Drazdauskienė, M. L. (2021). The evolution of the English small talk: a cognitive-pragmatic analysis. *Cognition, Communication, Discourse*, 23, 87–98. <https://doi.org/10.26565/2218-2926-2021-23-06>
- Simaremare, J. A., Sipayung, N., & Butar, B. B. (2023). Bentuk dan fungsi kategori fatis dalam Novel Alvaska Karya Matcharay. *Jurnal Ide Bahasa*, 5(2), 295–302.
- Siregar, I. (2021). Epistemological challenges against sociolinguistics. *International Journal of Linguistics Studies*, 1(2), 37–42. <https://doi.org/10.32996/ijls.2021.1.2.6>
- Stewart, G. L., Dustin, S. L., Barrick, M. R., & Darnold, T. C. (2008). Exploring the Handshake in Employment Interviews. *Journal of Applied Psychology*, 93(5), 1139–1146. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.93.5.1139>
- Sulaiman, M. Z., & Wilson, R. (2018). Translating adventure tourism: From action to relaxation. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(3), 1–16. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1803-01>
- Sverdlova, N. A., & Meishan, P. (2020). Sociolinguistic competence of Russian-Chinese bilinguals: Features of the formation. *Russian Linguistic Bulletin*, 2(22), 124–127.
- Szerszunowicz, J. (2011). A Comparative Analysis of Small Talk in English and Polish. In L. N. Berlin (Ed.), *Theoretical Approaches to Dialogue Analysis: Selected Papers from The IADA Chicago 2004 Conference* (pp. 39–48). Walter de Gruyter.
- Tamimi Sa'd, S. H. (2017). A sociolinguistic analysis of taboos and euphemisms in an Arab community in Iran. *Dialectologia*, 18, 107–127. <https://doi.org/10.1344/dialectologia2016.18.6>
- Tamimi Sa'd, S. H. (2019). Examining the dynamics of interaction in an Arab speech community in Iran: A sociolinguistic ethnography. *Dialectologia*, 23(23), 213–233. <https://doi.org/10.1344/dialectologia2019.23.9>
- Tampubolon, S., Sipayung, K., & Manullang, U. S. (2023). An analysis of phatic communication employed of the character of Will and Louise in movie entitle Me Before You. *Journal of Language Education*, 1(1), 89–95. <https://merwinspy.org/journal/index.php/jole/article/view/67%0Ahttps://merwinspy.org/journal/index.php/jole/article/download/67/45>
- Tan, A. (2022). A contrastive study of English and Chinese taboos. *Language and Literature*, 5(6). <https://doi.org/10.23977/langl.2022.050604>
- Tekin, M. (2011). Discussing the unspeakable: A study of the use of taboo topics in EFL speaking classes. *Journal of Theory and Practice in Education*, 7(1), 1304–9496. <http://eku.comu.edu.tr/index/7/1/mtekin.pdf>
- Thamrin, T., & Gani, M. H. (2020). Cultural Value in Phatic Communication of Minangkabau Society. *Jurnal Kata*, 4(1), 155. <https://doi.org/10.22216/kata.v4i1.5272>
- Timina, S. A., & Butler, N. L. (2011). Uncomfortable Topics and Their Appropriateness in Asian EFL Classes. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED515120.pdf>
- Trihartanti, R. P., & Septian, S. J. (2021). The Role of Adjacency Pairs to Create Politeness Strategies in Students' Phatic Utterances. *Register Journal*, 14(2), 243–262. <https://doi.org/10.18326/rgt.v14i2.243-262>
- Vanyan, A. (2017). Small Talk in English and Armenian. *Armenian Folia Anglistika*, 17(1–2), 59–68. <https://doi.org/10.46991/afa/2017.13.1-2.059>

- Wahab, I., Astri, Z., Tanasy, N., & Fachrunnisa, N. (2021). A conversation analysis : The use of small talk. *Scope of English Teaching, Literature and Linguistics*, 4(1), 53–62. <https://ejournals.umma.ac.id/index.php/seltics>
- Wibisono, B., Haryono, A., & Fadlil, F. M. (2022). The use of honorifics in Islamic boarding schools as a form of maintaining a culture of courtesy. *International Journal of Social Sciences and Humanities Invention*, 9(04), 6952–6967. <https://doi.org/10.18535/ijsshi/v9i04.08>
- Widiana, Y., Sumarlam, S., Marmanto, S., Purnanto, D., & Sulaiman, M. Z. (2020). Intrusive busybody or benevolent buddy: Phatic communication among javanese women. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2). <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-03>
- Wiyanto, M. S., & Juliani, N. S. (2023). Phatic communication of teacher students in English Foreign Language Classroom. *English Language Teaching and Technology*, 73–83. <https://proceeding.unpkediri.ac.id/index.php/eltt/article/view/4151%0Ahttps://proceeding.unpkediri.ac.id/index.php/eltt/article/download/4151/2966>
- Wójtowicz, B. (2021). Cultural Norms of Greetings in the African Context. *Roczniki Humanistyczne*, 69(6), 171–187. <https://doi.org/10.18290/rh21696-10>
- Yang, H. (2021). The cultural differences in etiquette and customs between China and Britain in nonverbal communication. *Region - Educational Research and Reviews*, 3(3), 7. <https://doi.org/10.32629/rerr.v3i3.400>
- Yating, W. (2022). A comparative study of communication styles between China and America. *Academic Journal of Humanities & Social Sciences*, 5(5), 91–101. <https://doi.org/10.25236/ajhss.2022.050514>
- Ying, J., & Ren, W. (2022). Advanced learners' responses to Chinese greetings in study abroad. In *IRAL – International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 60(4), 1173–1199. <https://doi.org/10.1515/iral-2020-0150>
- Zhang, Q., & Liu, Q. (2020). A Study of the Differences between Chinese and Western Cultures from the Perspective of Hofstede's Cultural Dimension Theory. *East African Scholars Journal of Education, Humanities and Literature*, 3(4), 125–128. <https://doi.org/10.36349/EASJEHL.2020.v03i04.006>
- Zuriah, S. (2020). *Functional Varieties of Phatic Utterances in Medan*. University of Muhammadiyah Sumatera Utara.